



Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

جامعة السلطان عبد الحليم معطر شاة الإسلام العالمية
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University

**INTERVENSI KOGNITIF
TINGKAH LAKU ISLAM
(I-CBT) DI DALAM MERAWAT
MASALAH KETAGIHAN
PORNOGRAFI :
SATU KAJIAN KES**



PENYELIDIKAN INI DIBLAYAI OLEH
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM
SHAH

**NUR HIKMAH BINTI MUBARAK ALI,
DR MUHAMMAD BAQIR BIN ABDULLAH
&
DR SAMSI AH JAYOS**

**Intervensi Kognitif Tingkah Laku Islam (I-CBT) Di Dalam Merawat
Masalah Ketagihan Pornografi : Satu Kajian Kes**

Ketua Penyelidik:

Nur Hikmah Binti Mubarak Ali

Penyelidik Bersama:

Dr Muhammad Baqir Bin Abdullah

Dr Samsiah Jayos

Kajian Dibiayai Oleh:

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)



Penerbit

UniSHAMS SDN. BHD.

Cetakan Pertama
2022 M/ 1443 H

Intervensi Kognitif Tingkah Laku Islam (*I-CBT*) Di Dalam Merawat Masalah Ketagihan Pornografi :
Satu Kajian Kes

Oleh : Nur Hikmah Binti Mubarak Ali, Dr Muhammad Baqir Bin Abdullah dan Dr Samsiah Jayos

Cetakan Pertama 2022

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dengan sebarang bentuk ayat dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, penggambaran semula dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

UniSHAMS SDN. BHD
Universiti Islam Antarabangsa
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS),
09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman, Malaysia

Cetakan oleh:

PERCETAKAN YUSRAN PUBLISHING HOUSE
No 6, Lebuh Zamrud, Taman Pekan Baru,
08000 Sungai Petani,
Kedah Darul Aman, Malaysia
No Telefon: 013-4889782

Pihak Untuk Dihubungi:

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)
Tel.: +604-415 5087
Fax.: +604-415 5050
Email: rmc@unishams.edu.my

ISBN: 978-967-2842-85-9

Tarikh: 28 Februari 2022

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Bersyukur saya kepada Allah kerana mempermudah semua urusan saya dan saya yakin segala yang kita lakukan hanya berlaku kerana dengan izin Allah. Saya banyak mendapat sokongan dari keluarga saya terutama ibu ayah saya dalam menyiapkan geran ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada tiga orang penyelidik bersama saya dalam menyiapkan kajian ini iaitu Dr Muhammad Baqir bin Abdullah, Dr Samsiah Jayos dan kepada Pembantu Penyelidik kajian ini iaitu Cik Farah Hanani binti Kamaruddin.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) kerana memberi peluang dengan meluluskan kajian geran ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak RMC, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) kerana sentiasa membimbing, memberi panduan dan memberi kerjasama yang baik sepanjang melakukan kajian geran dan menghabiskan penulisan ini.

ABSTRAK

Kajian ini mengenai satu kajian kes yang mengaplikasikan Intervensi Kognitif Tingkah Laku Islam (*I-CBT*) untuk membantu individu yang terlibat dengan ketagihan pornografi dan masih dalam proses pemulihan diri. Pornografi merupakan satu perbuatan yang tidak baik dan tidak diterima dalam kehidupan seharian kerana perbuatan tersebut tidak hanya dilarang dari sudut etika moral tetapi turut dilarang di sisi agama. Pornografi juga dijadikan salah satu bentuk eksploitasi seksual yang diperdagangkan. Perlaksanaan undang-undang serta penggunaan perisian penapis internet dilihat bukanlah penyelesaian mutlak kepada isu pornografi. Satu modul atau intervensi perlu dibina bagi membantu individu yang terlibat dengan ketagihan pornografi dapat melakukan pemulihan secara sendiri dan bantuan pakar seperti kaunselor. Metodologi dan reka bentuk kajian adalah kualitatif dan satu bentuk kajian kes dimana seorang responden telah ditemubual hasil dari sesi kaunseling yang telah dijalani sebelum menjadi responden kajian ini. Kajian ini membentuk beberapa tema yang merupakan punca, kesan dan intervensi ketagihan pornografi. Analisa kajian juga mendapati masih ada kesan ketagihan pornografi yang mengganggu pemikiran responden di dalam menjalani kehidupan seharian. Faktor-faktor ini juga boleh digunakan untuk membantu para kaunselor merumuskan strategi-strategi pendekatan Islam yang berkesan untuk membantu kes ketagihan seperti ini sama ada pada peringkat perlindungan, pencegahan atau pemulihan. Cadangan kajian akan datang supaya kajian lebih memfokus kepada mencari lebih pendekatan atau modul yang boleh digunakan sebagai satu intervensi hasil dari teori dalam kaunseling konvensional dan perspektif Islam iaitu Teori Kognitif Tingkah Laku Islam serta dilaksanakan dalam bentuk kelompok.

Kata kunci: Ketagihan, Pornografi, Teori Kognitif Tingkah Laku Islam

ABSTRACT

This study is about a case study that applied the Islamic Cognitive Behavioral Intervention (I-CBT) to help individuals who are involved with pornography addiction and still in the process of self-rehabilitation. Pornography is a bad and unacceptable because it is not only prohibited in terms of moral ethics but also in religion aspects. Pornography is also one of the trafficked forms of sexual exploitation. Law enforcement and internet filtering software seem to be not an absolute solution to the pornography issue. A module or intervention is needed to be built to guide a pornography addict rehabilitating independently on their own with the help of professionals. The methodology and the research design in this study is a case study and qualitative respectively in which the interviewee is an ex client of researcher's previous counselling session. This study forms several themes which are the causes, effects and interventions of pornography addiction. The analysis of the study also found that there are still effects of pornography addiction that disrupt the respondent's thoughts in her daily life. These factors can assist counselors in formulating effective Islamic approach to tackle the issue, whether at the level of protection, prevention or rehabilitation. The future researchers are ought to focus more on finding an intervention that relates to the conventional counselling and the perspectives of Islam which is called Islamic Cognitive Behavioral Theory.

Keywords: *Addiction, Pornography, Islamic Cognitive Behavior Theory.*

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Analisis Data – Pembentukan Tema dan Subtema

SENARAI RAJAH

- Rajah 1 : Kerangka Teoritikal Terapi Kognitif Tingkah Laku Islam (*I-CBT*)
- Rajah 2 : Kerangka Reka Bentuk Kajian

SENARAI SINGKATAN

- UniSHAMS - Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim
Mu'azdam Shah
- CBT - *Cognitive Behavior Theory*
- I-CBT - *Islamic Cognitive Behavior Theory*

ISI KANDUNGAN

PENGESAHAN PENERIMAAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
ISI KANDUNGAN	x-xi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	: Pengenalan	1
1.2	: Latar Belakang Kajian	1
1.3	: Pernyataan Masalah	2
1.4	: Objektif Kajian	5
1.5	: Persoalan Kajian	5
1.6	: Kerangka Teoritikal Kajian	6
1.7	: Kepentingan Kajian	7
1.8	: Batasan Kajian	8
1.9	: Definisi Konsep dan Operasional	9
1.10	: Rumusan	10

BAB 2: ULASAN KARYA

2.1	: Pengenalan	11
2.2	: Definisi Ketagihan Pornografi	11
2.3	: Etiologi Ketagihan	13
2.4	: Teori Psikologi Ketagihan	17
2.5	: Diagnosis Ketagihan	21
2.6	: Mengukur Ketagihan	22
2.7	: Kajian Lepas Pornografi	23
2.8	: Ketagihan Pornografi Dari Pandangan Islam	25
2.9	: Kaedah Psikoterapi untuk Ketagihan	26
	2.9.1 : Terapi Psikoanalisis	26
	2.9.2 : Terapi Kewujudan	27
	2.9.3 : Psikoterapi Interpersonal	27
	2.9.4 : Terapi Kognitif Tingkah Laku Islam (I-CBT)	28
2.10	: Kajian Lepas Terapi Kognitif Tingkah Laku Islam (I-CBT)	34
2.11	: Rumusan	39

BAB 3: METODOLOGI

3.1	: Pengenalan	40
3.2	: Reka Bentuk Kajian	40
3.3	: Persampelan Kajian	43

3.4	: Kajian Rintis	44
3.5	: Peserta Kajian	44
3.6	: Alat Ukur Kajian	45
3.7	: Kaedah Pengumpulan Data	46
3.8	: Penganalisan Data	50
3.9	: Kerangka Reka Bentuk Kajian	52
3.10	: Rumusan	53

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	: Pengenalan	54
4.2	: Latar Belakang Responden	54
4.3	: Analisis Data – Pembentukan Tema dan Subtema	57
	4.3.1: Tema Pertama – Punca Ketagihan Pornografi	59
	4.3.2: Tema Kedua – Kesan Ketagihan Pornografi	61
	4.3.3: Tema Ketiga – Langkah Membantu Diri	66
	4.3.4: Tema Keempat - Corak Pola Pemikiran Individu Kesan Ketagihan Pornografi	79
	4.3.5: Tema Kelima - Perubahan Diri Individu Selepas Intervensi I-CBT Dilakukan	79
4.4	: Rumusan	81

BAB 5: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	: Pengenalan	82
5.2	: Perbincangan Hasil Kajian	82
5.3	: Cadangan Kajian Lanjutan	83
5.4	: Rumusan	83

RUJUKAN	85
RESEARCH OUTPUT/HASIL KAJIAN	
BORANG LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK	
SENARAI LAMPIRAN	

ISI KANDUNGAN

PENGESAHAN PENERIMAAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
ISI KANDUNGAN	x-xi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	: Pengenalan	1
1.2	: Latar Belakang Kajian	1
1.3	: Pernyataan Masalah	2
1.4	: Objektif Kajian	5
1.5	: Persoalan Kajian	5
1.6	: Kerangka Teoritikal Kajian	6
1.7	: Kepentingan Kajian	7
1.8	: Batasan Kajian	8
1.9	: Definisi Konsep dan Operasional	9
1.10	: Rumusan	10

BAB 2: ULASAN KARYA

2.1	: Pengenalan	11
2.2	: Definisi Ketagihan Pornografi	11
2.3	: Etiologi Ketagihan	13
2.4	: Teori Psikologi Ketagihan	17
2.5	: Diagnosis Ketagihan	21
2.6	: Mengukur Ketagihan	22
2.7	: Kajian Lepas Pornografi	23
2.8	: Ketagihan Pornografi Dari Pandangan Islam	25
2.9	: Kaedah Psikoterapi untuk Ketagihan	26
	2.9.1 : Terapi Psikoanalisis	26
	2.9.2 : Terapi Kewujudan	27
	2.9.3 : Psikoterapi Interpersonal	27
	2.9.4 : Terapi Kognitif Tingkah Laku Islam (I-CBT)	28
2.10	: Kajian Lepas Terapi Kognitif Tingkah Laku Islam (I-CBT)	34
2.11	: Rumusan	39

BAB 3: METODOLOGI

3.1	: Pengenalan	40
3.2	: Reka Bentuk Kajian	40
3.3	: Persampelan Kajian	43

3.4	: Kajian Rintis	44
3.5	: Peserta Kajian	44
3.6	: Alat Ukur Kajian	45
3.7	: Kaedah Pengumpulan Data	46
3.8	: Penganalisan Data	50
3.9	: Kerangka Reka Bentuk Kajian	52
3.10	: Rumusan	53

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	: Pengenalan	54
4.2	: Latar Belakang Responden	54
4.3	: Analisis Data – Pembentukan Tema dan Subtema	57
	4.3.1: Tema Pertama – Punca Ketagihan Pornografi	59
	4.3.2: Tema Kedua – Kesan Ketagihan Pornografi	61
	4.3.3: Tema Ketiga – Langkah Membantu Diri	66
	4.3.4: Tema Keempat - Corak Pola Pemikiran Individu Kesan Ketagihan Pornografi	79
	4.3.5: Tema Kelima - Perubahan Diri Individu Selepas Intervensi I-CBT Dilakukan	79
4.4	: Rumusan	81

BAB 5: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	: Pengenalan	82
5.2	: Perbincangan Hasil Kajian	82
5.3	: Cadangan Kajian Lanjutan	83
5.4	: Rumusan	83

RUJUKAN	85
RESEARCH OUTPUT/HASIL KAJIAN	
BORANG LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN JANGKA PENDEK	
SENARAI LAMPIRAN	

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab satu ini menjelaskan latar belakang kajian yang dilakukan oleh penyelidik, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka kajian, definisi konsep dan operasional, batasan kajian, dan rumusan bab.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada masa kini berlakunya ledakan teknologi maklumat dan komunikasi dengan memperlihatkan medium internet muncul sebagai pemain utamanya tanpa sempadan. Namun begitu, antara isu yang diperdebatkan adalah kemunculan elemen-elemen lucah dalam internet atau lebih dikenali dengan pornografi internet. Menurut Kamus Dewan (2007), pornografi merupakan penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan dengan cara yang mengghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks samada menerusi filem, bahan bacaan dan sebagainya, penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan secara lucah. Jika penggunaan pornografi dilakukan secara berterusan dan dibiarkan, akan membawa kepada ketagihan yang lebih teruk. Hal ini bermula daripada *soft pornograpgy* dan membawa kepada *hard pornography*.

Menurut Cline (2008) juga, pornografi boleh mengakibatkan pelbagai masalah lain seperti masalah tingkah laku yang berpunca daripada apa yang dilihat dan berfantasi dengannya, masalah sosial seperti keganasan dan penceraian serta penyakit barah. Bagi golongan kanak-kanak dan remaja, pornografi memberi

kesan buruk kepada otak. Rangsangan secara emosi mengakibatkan otak merembeskan hormon yang dipanggil *epinephrine* yang akan membakar gambaran itu secara kimia ke dalam ingatan yang kekal. Kesan ini diperhebatkan lagi dengan kombinasi gambar-gambar dan pelancapan (*Focus On The Family Malaysia*, 2005). Menurut Siti Taniza dan Muhammad Saffuan (2020), dalam ketagihan pornografi, dua bahan utama memainkan peranan iaitu *dopamin* dan *endorfin*. Dopamin adalah *neurotransmitter* ganjaran yang membolehkan seseorang merasa senang atau bahagia. Manakala, *endorfin* berperanan sebagai bahan kimia yang digunakan untuk mengatasi tekanan dan senaman fizikal serta membantu seseorang berehat dan sembuh.

Ketika seseorang individu melancap akibat rangsangan daripada pornografi, *dopamin* akan dilepaskan berikutan rasa keseronokkan yang tinggi. Selepas klimaks, *endorfin* dilepaskan dan menjadikan seseorang merasa letih dan tertidur. Proses ini jika dilakukan secara berulang-ulang boleh menyebabkan ketagihan kerana otak memerlukan reaksi kimia yang sama. Hal ini boleh memberi kesan terhadap pemikiran, menjejaskan kemahiran membuat keputusan dan kemahiran interpersonal yang lain. (Siti Taniza & Muhammad Saffuan, 2020).

1.3 Penyataan Masalah

Terdapat pelbagai kritikan terhadap isu pornografi, di antara yang menyuarakan kritikan adalah dari golongan konservatif agama dan juga feminis (Che Zarina, 2011). Pornografi dilihat sebagai medium budaya patriaki dan mempunyai kepentingan kominisme (Albern Loa, 2008). Propaganda patriakal menekankan bahawa perempuan adalah milik, pelayan, asisten dan mainan yang menjadi

kritikan oleh golongan feminis. Manakala, pornografi juga dijadikan salah satu bentuk eksploitasi seksual yang diperdagangkan. Malah, pelaksanaan undang-undang serta penggunaan perisian penapis internet dilihat bukanlah penyelesaian mutlak kepada isu pornografi (Che Zarina, 2011). Kebanyakan penyelidik turut menyimpulkan kod etika, kelas moral dan pemantauan dari orang dewasa adalah perlu untuk menangani isu pornografi (Resnick, 2004).

Terapi Tingkah Laku Kognitif boleh membantu individu tersebut untuk menangani masalah ketagihan pornografi dengan membantu mereka membentuk pola-pola pemikiran yang sihat berkaitan dengan situasi hidup mereka. Menurut pendekatan ini, kaunselor boleh mengenal pasti pemikiran negatif klien dan membantu klien mengubah pemikirannya seperti pemikiran automatik, sangkaan dan kepercayaan (See Ching Mey, 2009). Terapi ini memfokus pada pemikiran, dan bagaimana ia mempengaruhi perasaan, dan tingkah laku klien (Avy Joseph, 2009). Apabila pemikiran dibetulkan, klien akan dapat mengubah perasaan mereka menjadi lebih tenang dan menerima, serta merancang tindakan yang lebih berkesan.

Dalam menjalankan Terapi Tingkah Laku Kognitif peranan kaunselor memainkan peranan yang aktif dalam menyelesaikan masalah klien. Kaunselor akan memberi fokus kepada pemikiran dan perasaan yang menimbulkan masalah kepada klien. Seterusnya, kaunselor akan mengajar klien mengenalpasti corak pemikiran yang perlu diubah. Selari dengan corak pemikiran, kaunselor bersama klien akan merancang perasaan dan tingkah laku yang menjadi matlamat klien. Dalam pendekatan ini, kaunselor hanya akan memberi fokus kepada masa kini dan

masa depan tanpa memberi ruang yang banyak bagi klien membincangkan sejarah yang lama kecuali jika berkaitan dengan pelan tindakan yang sedang dibincangkan, kaunselor akan meninjau peristiwa yang berlaku semasa membantu klien menerangkan masalah yang dihadapi sekarang.

Terapi Tingkah Laku Kognitif Islam (ICBT) bukanlah satu jenama atau model kaunseling baru atau rekaan penulis. Ia adalah gugusan jenis kaunseling yang menggunakan strategi penyampaian acuan-acuan pemikiran Islam kepada klien melalui proses kaunseling. Ianya sama dengan gugusan strategi Terapi Tingkah Laku Kognitif yang lain kerana menggunakan strategi mengubah corak pemikiran untuk mengubah perasaan dan corak tindakan. Ciri-ciri khas bagi Terapi Tingkah laku Kognitif Islam adalah telah tersedia acuan pemikiran Islam yang umum yang boleh diterapkan pada mana-mana masalah, dan klien dan kaunselor tidak perlu berikhtiar membentuk pola pemikiran sendiri, sebaliknya hanya memilih dari menu acuan pemikiran yang sesuai dengan masalah. Dalam ICBT, kaunselor dan klien tidak perlu bina sendiri kata-kata untuk diri, sebaliknya cuma memilih dari ayat-ayat Quran dan Hadith yang sesuai untuk situasi yang dihadapi.

Walaupun strategi ICBT ini nampak mudah kerana hanya memetik sahaja dari ayat-ayat al-Quran dan hadith, ICBT sebenarnya canggih dan hanya mampu dipraktikkan oleh kaunselor terlatih kerana kaunselor terlebih dahulu memerlukan kemahiran kaunseling untuk mengenalpasti corak pemikiran bermasalah yang perlu ditangani oleh ICBT tersebut. Ia tidak sama dengan ceramah agama atau nasihat umum yang diberikan oleh seorang ustazah tanpa mengira jenis masalah atau pemikiran yang ada disebalik masalah tersebut. Antara masalah yang telah

dibincangkan menggunakan pendekatan ini adalah masalah krisis identiti (Nadiyah Elias, 2005), masalah merokok (Nadiyah Elias,2015), dan masalah ketagihan seksual di internet (Nadiyah Elias, 2012).


1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Meneroka punca ketagihan pornografi.
- 1.4.2 Mengenal pasti corak pola pemikiran individu ketagihan pornografi.
- 1.4.3 Mengenalpasti kesan ketagihan pornografi terhadap pola pemikiran individu.
- 1.4.4 Melihat perubahan diri individu selepas Intervensi Kognitif Tingkah Laku Islam (I-CBT) dilakukan.

1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Bagaimana punca ketagihan pornografi berlaku ?
- 1.5.2 Bagaimana corak pola pemikiran individu ketagihan pornografi ?
- 1.5.3 Bagaimana kesan ketagihan pornografi terhadap pola pemikiran individu ?
- 1.5.4 Bagaimana perubahan diri individu berlaku selepas Intervensi Kognitif Tingkah Laku Islam (ICBT) dilakukan?.

1.6 Kerangka Teoritikal Kajian



Rajah 1 : Kerangka Teoritikal Terapi Kognitif Tingkah Laku Islam (I-CBT)

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini antaranya menjadi rujukan kepada pihak berwajib untuk menilai semula intervensi dan undang-undang yang telah dilaksanakan. Realitinya, undang-undang yang dilaksanakan masih belum dapat menghalang individu daripada mengakses video lucah atau bahan pornografi tersebut. Kebanyakan organisasi di tempat kerja ada yang sudah melakukan sekatan di laman-laman web yang sedemikian. Tindakan organisasi ini adalah baik di organisasi kerana ini dapat membantu individu di dalam memfokus diri di tempat kerja dan tidak lalai dengan perkara yang tidak bermanfaat.

Kedua, kepentingan kajian ini juga kepada para kaunselor dan pengamal kaunseling dimana hasil kajian ini akan memberi pendedahan kepada pengamal kaunseling serta masyarakat mengenai ketagihan pornografi dan kesannya terhadap individu yang terlibat. Kaunselor dapat membantu klien yang berhadapan dengan situasi ketagihan pornografi ini. Kaunselor atau pengamal kaunseling dapat mengaplikasikan kaedah dengan menggunakan Terapi Kognitif Tingkah Laku Islam (I-CBT) kepada klien tersebut.

Seterusnya, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kecaknaan kepada masyarakat mengenai stigma ketagihan pornografi. Masyarakat perlu lebih cakna terhadap isu ini dan tidak menganggap ia sebagai satu isu remeh. Kebanyakan isu ketagihan pornografi dihadapi oleh individu secara dalam diam dan mereka mengakses tanpa diketahui oleh sesiapaupun. Oleh itu, ketagihan ini sangat membahayakan diri individu tersebut dan orang lain. Maka, masyarakat iaitu bermula dengan institusi keluarga seperti ibu bapa perlu cakna tentang aktiviti anak-anak dan bagi perkahwinan pula suami isteri perlu cakna dengan apa yang dilakukan oleh pasangan masing-masing.

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian merujuk kepada halangan atau kesukaran ketika melakukan kajian ini. Antara batasan kajian adalah stigma dan sensitiviti isu pornografi di kalangan masyarakat. Dimana pengkaji sukar mendapat kerjasama dari individu tersebut. Individu tersebut sangat malu untuk mendedahkan apa yang telah dilakukannya berkaitan isu pornografi. Malah, kekurangan kajian mengenai pornografi dan maklumat intervensi di Malaysia juga menyebabkan masyarakat atau individu terbabit merasa sangat malu untuk meminta pertolongan dan terus merosakkan diri dengan pornografi tersebut. Berikutan pandemik Covid-19, kajian ini dilakukan dalam tempoh PKP 3 dijalankan secara berfasa dan sekaligus menyebabkan keterbatasan untuk melakukan temu bual secara bersemuka dan mendapatkan maklumat. Namun begitu, pengkaji berjaya mendapatkan informan dan responden dalam tempoh tersebut melalui atas talian (*Google Meet*).

1.9 Definisi Konsep & Operasional

1.9.1 Pornografi

Menurut Kamus Dewan, pornografi ditakrifkan sebagai penggambaran atau pengisahan sesuatu perlakuan perbuatan dan kejadian dengan cara yang mengghairahkan atau yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks menerusi filem, bahan bacaan dan sebagainya. Ditakrifkan juga sebagai penggambaran atau pengisahan sesuatu perbuatan secara lucah menerusi segala bahan seperti filem, gambar foto, dan bahan bacaan yang bertujuan untuk membangkitkan nafsu seks. Pornografi berasal daripada bahasa Yunani *pornographia* yang bermaksud tulisan tentang atau gambar tentang pelacur dan ianya juga disebut "*porn*," "*pron*," atau "*porno*".